

1. "_____lah semasa berbelanja kerana sikap boros hanya mendatangkan kerugian _____" an Encik Jamil kepada Syahid.

- ☐ A Beria-ia
- ☐ B Beringat-ingat
- ☐ C Berbalas-balas
- ☐ D Bersungguh-sungguh

2. Puan Baizura dan kawan baiknya menikmati secawan kopi panas sambil _____ senaskhah majalah.

- ☐ A membelek-belek
- ☐ B menarik-narik
- ☐ C memilih-milih
- ☐ D melipat-lipat

3. Yong Sheng dibawa ke klinik kerana dia _____ selepas makan mihun goreng di sebuah gerai di tepi jalan raya.

- ☐ A tidur-tidur
- ☐ B gelak-gelak
- ☐ C baring-baring
- ☐ D muntah-muntah

4. Abang _____ kocek seluarnya untuk mengambil duit syiling.

- ☐ A meraba-raba
- ☐ B memicit-micit
- ☐ C menarik-narik
- ☐ D menggaru-garu

5. Sikap _____ antara kaum dapat melahirkan masyarakat yang bersatu padu.

- ☐ A atas-mengatasi
- ☐ B benci-membenci
- ☐ C kasar-mengasari
- ☐ D hormat-menghormati

6. Datuk duduk di belakang rumah sambil memerhatikan ayamnya _____ tanah untuk mencari cacing atau ulat.

- ☐ A mengais-ngais
- ☐ B menggaru-garu
- ☐ C menyapu-nyapu
- ☐ D mengeruk-ngeruk

7. Wajah anak-anak Pak Udin _____ apabila melihat hasil tangkapan ikan yang dibawa pulang.

- ☐ A berseri-seri
- ☐ B berkilau-kilau
- ☐ C berpinar-pinar
- ☐ D berombak-ombak

8. Sherita tidak dapat mendengar dengan jelas kerana _____ telinganya rosak.

- ☐ A gegendang
- ☐ B lelangit
- ☐ C sesiku
- ☐ D jejari



9. Kakak menggunakan _____ untuk menghalakan kursor pada tempat yang ingin ditaip.

- ☐ A tetulang
- ☐ B tetupai
- ☐ C tetikus
- ☐ D jejari

10. Ada segelintir remaja yang suka _____ ke sana dan ke sini tanpa tujuan.

- ☐ A melompat-lompat
- ☐ B merayau-rayau
- ☐ C meracau-racau
- ☐ D meronta-ronta

11. Pemain gasing itu _____ untuk memenangi pertandingan permainan tradisional yang dianjurkan di kampung itu.

- ☐ A tikam-menikam
- ☐ B balas-membalas
- ☐ C baling-membaling
- ☐ D pangkah-memangkah

12. Pihak polis dan perompak itu _____ tembakan di luar bangunan bank.

- ☐ A berbalas-balas
- ☐ B berubah-ubah
- ☐ C bertukar-tukar
- ☐ D berganti-ganti

13. _____ sukan permotoran membanjiri stadium itu kerana mahu menyaksikan perlumbaan motosikal MotoGP.

- ☐ A Pelayan-pelayan
- ☐ B Pendaki-pendaki
- ☐ C Peminat-peminat
- ☐ D Pelancong-pelancong

14. Saiful sentiasa mengingati _____ yang diberikan oleh ibu bapanya agar dia dapat menjadi insan yang berhemah tinggi.

- ☐ A nasihat-nasihat
- ☐ B laporan-laporan
- ☐ C cadangan-cadangan
- ☐ D pengumuman-pengumuman

15. _____ ialah haiwan yang mempunyai cengkerang dan berjalan amat perlahan.



- ☐ A Tetikus
- ☐ B Kekura
- ☐ C Kekuda
- ☐ D Rerama

16. Puan Syafa gemar memakai _____ supaya tubuhnya sentiasa harum dan kekal segar sepanjang hari.

- ☐ A bunga-bunga
- ☐ B hidup-hidupan
- ☐ C bau-bauan
- ☐ D biji-bijian

17. Mangsa-mangsa peperangan itu _____ mendapatkan bekalan makanan daripada pasukan sukarela sehingga mengakibatkan ada yang cedera.

- ☐ A berura-ura
- ☐ B bergilir-gilir
- ☐ C berebut-rebut
- ☐ D bersempit-sempit

18. Musmira berjalan _____ ke sekolah kerana kakinya terseliuh ketika bermain bola jaring pada petang semalam.

- ☐ A terkial-kial
- ☐ B terseret-seret
- ☐ C terhincut-hincut
- ☐ D terlompat-lompat

19. Panglima Inderapura itu _____ akan kecantikan Tuan Puteri Lindungan Bulan yang bakal dikahwininya.

- ☐ A termimpi-mimpi
- ☐ B terpinga-pinga
- ☐ C terkinja-kinja
- ☐ D terintai-intai

20. Wakil pengantin lelaki dan perempuan itu _____ pantun semasa adat peminangan diadakan di rumah pengantin perempuan.

- ☐ A bercakap-cakap
- ☐ B berbalas-balas
- ☐ C berubah-ubah
- ☐ D berganti-ganti